



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

29 JANUARI 2026 (KHAMIS)

Malaysia Tightens Borders After Nipah Virus Hits India

MEDIA

The Star

RUANGAN

Nation

MUKA SURAT

11

TARIKH

29 Jan

Malaysia tightens borders after Nipah virus hits India

By YASMIN ABDUL LATIF
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Health surveillance and border controls have been stepped up amid renewed concerns over Nipah virus infections in India, according to the Health Ministry and border control agency.

The ministry issued a statement stating that it is intensifying screenings at international entry points while the Malaysian Border Control and Protection Agency (AKPS) checks for high-risk animal products entering the country.

The ministry said that it would enhance continuous surveillance, including thorough monitoring in the field and strengthening the national laboratory's

capacity to ensure early detection.

Health officials emphasised that the preparedness of health facilities had also been enhanced through the implementation of prevention and control measures, including infection prevention and control practices.

Cross-sector and inter-agency cooperation has also been reinforced to safeguard public health and prevent any re-emergence of Nipah disease, a Bernama report quoted the ministry.

"Although Malaysia has not reported any cases of Nipah disease since 1999, the ministry remains vigilant against the risk of cross-border transmission following sporadic infections reported in several other countries," the statement said.

It added that continuous monitoring of Nipah disease had been strengthened through collaboration with the Veterinary Services Department and the Wildlife and National Parks of Peninsular Malaysia Department under the One Health approach.

"To date, no Nipah virus has been detected in domestic or wild animals."

The ministry advised the public, particularly travellers to high-risk areas, to maintain good personal hygiene and avoid contact with sick animals or consuming contaminated products to prevent Nipah virus infection.

Nipah disease is classified as a notifiable disease under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

Nipah disease is a zoonotic infectious disease resulting from infection with the Nipah virus (NiV), with flying foxes/fruit bats as its natural reservoir.

It added that human infection can occur through contact with body fluids of infected animals, including saliva, blood and secretions, by consuming contaminated food, or through exposure to bodily fluids of infected individuals.

Symptoms such as fever, headache, vomiting, cough, difficulty breathing, seizures, confusion and disorientation typically appear after an incubation period of five to 14 days.

The disease can lead to complications such as encephalitis and respiratory problems, with a mortality rate of between 40 and

75%, the statement said.

Meanwhile, Port Klang AKPS commander Deputy Comm Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal said the agency will be monitoring the entry of animal products from India.

"We have officers stationed at terminals, including cruise ports, to screen passengers and monitor goods arriving from countries with known health risks, such as India," he said at a press conference at Port Klang West.

DCP Nik Ezanee reminded that all imported animal products must meet the veterinary and quarantine requirements set by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department.

Any consignment failing to comply will be detained, investigated and potentially destroyed.

Teluk Bahang Dog Shelter Needs RM1.2mil to Relocate

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Event	10	29 Jan



An attendee enjoying a meal with her pet at the fundraising event.



A fire juggler mesmerising attendees at the charity dinner.



Execute Animal Welfare Act founder Sue Ann Kong with her pet dog at the event.

By BERNARD SEE
north@thestar.com.my

DAWN breaks in Teluk Bahang, Penang, and before most people are up, the dogs at 4PAWS are already awake.

Their barking rises in waves, not of alarm, but of routine as shelter volunteers begin another day of feeding, cleaning and care.

For the estimated 700 dogs, this daily routine has meant safety and survival.

Soon, however, it will be disrupted as the shelter prepares to move after being told it must vacate its current premises by next year.

Founded by animal welfare advocate Barbara Janssen in 2010, the 4PAWS dog shelter has grown from a small rescue effort into one of Penang's largest no-kill sanctuaries for abandoned and abused dogs.

The shelter currently occupies a 0.8ha site, but the landowner has decided to sell the property, leaving the shelter with no choice but to relocate.

"We don't have an option to stay. The owner wants to sell, so we have to move."

"What matters now is making sure the dogs don't lose their home," said Janssen.

The new home for the dogs, she said, would be another plot of land nearby in Teluk Bahang that is large enough to house all 700 of them.

While the relocation means the shelter can remain in the same general area, securing the land comes with a hefty price tag.


4PAWS needs to raise RM1.2mil to purchase it.

To date, more than RM400,000 has been collected through donations and fundraising.

To secure the land, Janssen said the shelter must pay at least 10% of the price and the balance could be settled in eight

Teluk Bahang dog shelter needs RM1.2mil to relocate

NGO has identified land nearby to rehouse 700 animals



Janssen (right) during the charity dinner at a beachfront restaurant in Batu Ferringhi. — Photos: LIM BENG TATT/The Star

monthly instalments.

"That timeline is very tight for a non-governmental organisation (NGO) like ours."

"We depend entirely on public donations and every ringgit makes a difference."

The urgency of the situation was evident when over 210 supporters turned up for the 4PAWS charity dinner at a beachfront restaurant in Batu Ferringhi.

The event brought together animal lovers, long-time donors

and first-time supporters, all united by a concern for the future of the dogs.

The evening featured lucky draws and a silent auction that included hotel stays.

Guests were also entertained by a live band as well as a performance by the Fire Hunters.

By night's end, RM21,000 had been raised.

Janssen said she was deeply touched by the turnout and generosity.

"When you see so many people coming forward to help, it reminds you that the dogs are not alone and it gives me the strength to keep going despite suffering a stroke recently," she said.

"Beyond the cost of acquiring land, the shelter continues to face the daily financial reality of caring for hundreds of animals."

"It costs about RM35,000 a month to run 4PAWS, covering food, veterinary treatment, maintenance and staff expenses."

"Many of the dogs are also elderly, injured or chronically ill, requiring ongoing medical care."

"Rescue doesn't end when a dog is saved."

"For many of them, this is a lifelong commitment."

"They need food every day, medical treatment when they're sick, and people to look after them. All of that comes at a cost," she highlighted.

Despite the pressure, Janssen said that reducing the number of

dogs or turning animals away was not an option.

"Once we take responsibility for a dog, that responsibility doesn't disappear, it is for life as they depend on us completely."

As preparations for the move take shape, daily life at the shelter continues as it always has.

Volunteers clean kennels, bowls are filled, wounds are treated and tails wag in anticipation of attention.

Unaware of land negotiations, deposits and deadlines, the dogs go about their days with the simple trust that has defined their recovery.

"They don't understand what's happening. All they know is that this is home," said Janssen.

For Janssen, the goal is straightforward but urgent.

"We just want to give them stability. A permanent place where they will never have to be moved again."

As the sun climbs higher over Teluk Bahang, the barking settles into a steady hum.

For now, the dogs wait and so does the hope that the community will once again step forward to secure their future.

Donation details to support the land purchase and information on the shelter's ongoing operations can be found at 4paws.com.my and also on their social media pages.

Enquiries can also be made by contacting shelter manager S. Murugan at 016-342 0703.

Daging Babi RM 800,000 disita			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	6	29 Jan

Daging babi RM800,000 disita

***KLANG:** Dua kontena berisi daging babi dari Belgium bernilai RM873,000 disita Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Malaysia di Pelabuhan Barat di sini, semalam, selepas didapati tidak mematuhi syarat yang ditetapkan pihak berkuasa.

Komander Kawalan Pintu Masuk Pelabuhan Klang, Datuk Nik Ezanee Mohd. Faisal (**gambar**) berkata, ketidakpatuhan itu membabitkan fasiliti yang tidak diluluskan pada kontena berkenaan.

"Sepanjang bulan ini, jumlah rampasan melibatkan daging babi di Pelabuhan Klang mencecah kira-kira RM2 juta," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau kontena-kontena yang disita dekat Pelabuhan Barat di sini, semalam.

AKPS bekerjasama dengan pihak berkuasa kesihatan dan agensi berkaitan bagi memastikan semua produk makanan dibawa masuk ke negara ini mematuhi piawaian keselamatan ditetapkan.



Nik Ezanee berkata, peman-tauan rapi dijalankan ke atas produk berisiko tinggi daripada negara tertentu bagi mengelak ancaman kesihatan awam termasuk virus Nipah.

Namun setakat ini, tiada ancaman lain dikesan dan peman-tauan akan diteruskan sehingga arahan lanjut dikeluarkan.

Beliau berkata, insiden penyeludupan daging babi dilaporkan semakin meningkat menjelang perayaan Tahun Baharu Cina dengan hampir 50 tan daging babi sejuk beku dirampas di pelabuhan sama pada 20 Januari lalu, bernilai RM660,137.85.



Sepanjang bulan ini, jumlah rampasan melibatkan daging babi di Pelabuhan Klang mencecah kira-kira RM2 juta."

NIK EZANEE MOHD. FAISAL

Rampasan itu dibuat kira-kira pukul 10.30 pagi hasil pemeriksaan terhadap dua kontena yang dibawa masuk dari Sepanyol.

Minggu lalu AKPS dilaporkan mematahkan cubaan membawa masuk dagangan daging babi beku tanpa permit dan kepatuhan sah, dianggarkan bernilai lebih RM1.15 juta diimport dari negara Sepanyol dan Belgium dengan jumlah berat keseluruhan mencecah 76,973 kilogram (kg).

Sita 2 Kontena Bawa Daging Babi RM873k

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	6	29 Jan

Sita 2 kontena bawa daging babi RM873k

Pelabuhan Klang: Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Malaysia menyita dua kontena yang mengandungi daging babi bernilai RM873,000 menerusi pemeriksaan di Pelabuhan Barat, kelmarin.

Komander AKPS Pelabuhan Klang, Datuk Nik Eza-nee Mohd Faisal berkata, dengan itu menjadikan ju-

mlah keseluruhan daging babi yang dirampas kini pada bulan ini berjumlah RM2 juta.

"Dalam bulan ini sahaja, secara keseluruhan, AKPS sudah menahan daging babi bernilai sekitar RM2 juta dengan yang terbaharu dua kontena ditahan kelmarin.

"Dua kontena ini datang dari negara Belgium dan

ditahan kerana tempat pemotongan daging tidak mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) walaupun pengisytiharan dibuat dengan betul.

"Kes ini menunggu siasatan MAQIS dan akhirnya akan dilupuskan jika disahkan melanggar syarat,"

katanya di Pelabuhan Barat, di sini, semalam.

Media minggu lalu melaporkan AKPS mematahkan cubaan membawa masuk dagingan daging babi beku tanpa permit dan kepatuhan sah, dianggarkan RM1.15 juta yang diimport dari Sepanyol dan Belgium dengan berat keseluruhan 76,973 kilogram (kg).

Tiada Kes Virus Nipah di Malaysia, KKM Kekal berwaspada

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Dalam Talian	28 Jan



Gambar hiasan

PETALING JAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan tiada kes baharu jangkitan penyakit atau virus Nipah di negara ini setakat ini, susulan laporan wabak berkenaan yang berlaku di West Bengal, India.

KKM dalam kenyataan memaklumkan, kejayaan Malaysia membendung penularan virus Nipah sejak September 1999 terus dikekalkan menerusi pemantauan berterusan serta langkah kesiapsiagaan kesihatan awam.

Menurutnya, penyakit Nipah merupakan penyakit berjangkit zoonotik yang disebabkan oleh virus Nipah (NiV) dengan keluang atau kelawar buah sebagai perumah semula jadi.

Jangkitan kepada manusia boleh berlaku melalui sentuhan langsung dengan cecair badan haiwan atau individu yang dijangkiti, selain pengambilan makanan yang tercemar.

“Gejala lazim termasuk demam, sakit kepala, muntah, batuk, sesak nafas,

sawan serta kekeliruan dan kebingungan, yang kebiasaannya muncul antara lima hingga 14 hari selepas pendedahan,” ujarnya

KKM turut memaklumkan, komplikasi penyakit ini boleh melibatkan radang otak (encephalitis) dan masalah pernafasan serius dengan kadar kematian dianggarkan antara 40 hingga 75 peratus.

Tambahnya orang awam khususnya pengembara ke kawasan berisiko tinggi dinasihatkan agar menjaga kebersihan diri, mengelakkan sentuhan dengan haiwan yang sakit serta tidak mengambil produk yang disyaki tercemar.

Dalam masa sama, pengembara dari negara berisiko disaran memantau tahap kesihatan masing-masing dan segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya mengalami gejala.

Walaupun tiada kes dilaporkan sejak lebih dua dekad lalu, KKM menegaskan pihaknya terus memperkukuh saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), khususnya melibatkan pengembara dari negara berisiko.

turut dipertingkatkan melalui kerjasama antara KKM, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menerusi pendekatan One Health,” katanya.

Menurutnya, setakat ini tiada kes penularan Penyakit Nipah dalam kalangan haiwan domestik atau liar di Malaysia. – [KOSMO! ONLINE](#)

“Pemantauan berterusan

KKM Jelas Kesiapsiagaan & Langkah Cegah Jangkitan Virus Nipah di Malaysia, Awas dengan Tanda Ini!

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sirap Limau	Sihat	Dalam Talian	28 Jan



Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merujuk kepada laporan mengenai situasi wabak penyakit Nipah virus yang sedang berlaku di West Bengal, India.

Sehingga kini, Malaysia tidak melaporkan sebarang kes baharu penyakit Nipah virus sejak wabak terakhir pada September 1999, susulan kejayaan negara membendung penyebarannya.

Penyakit Nipah merupakan penyakit zoonotik yang berpunca daripada virus Nipah (NiV). Haiwan seperti

kelawar buah (flying foxes/fruit bats) berperanan sebagai perumah semula jadi virus ini.

Jangkitan kepada manusia boleh berlaku melalui sentuhan dengan cecair badan haiwan yang dijangkiti seperti air liur, darah, atau rembesan, pengambilan makanan yang tercemar, atau kontak dengan cecair badan individu yang dijangkiti.

Gejala jangkitan biasanya muncul dalam tempoh 5 hingga 14 hari selepas terdedah dan termasuk

demam, sakit kepala, muntah, batuk, kesukaran bernafas, sawan, kekeliruan dan kebingungan.

Komplikasi boleh melibatkan radang otak (encephalitis) dan masalah pernafasan, dengan kadar kematian yang dilaporkan antara 40% hingga 75%. Penyakit ini juga diklasifikasikan sebagai wajib dilaporkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

KKM menekankan bahawa pemantauan berterusan telah diperkuat melalui kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan PERHILITAN, menggunakan pendekatan One Health bagi memastikan tiada virus Nipah dikesan dalam kalangan haiwan domestik atau liar di Malaysia setakat ini.

Orang awam, khususnya pengembara ke kawasan berisiko tinggi, dinasihatkan untuk menjaga kebersihan diri, mengelakkan sentuhan dengan haiwan yang sakit, dan tidak mengambil produk makanan yang disyaki tercemar. Pengembara yang berasa kurang sihat selepas pulang dari kawasan berisiko disarankan segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berdekatan.

Walaupun negara bebas

daripada kes Nipah sejak 1999, KKM kekal berwaspada terhadap kemungkinan penularan rentas sempadan, terutamanya selepas beberapa negara melaporkan jangkitan sporadik.

Langkah kesiapsiagaan telah dipertingkatkan melalui saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), pengukuhan kapasiti makmal, kesiapsiagaan fasiliti kesihatan, pelaksanaan amalan pencegahan dan kawalan infeksi (IPC), serta kerjasama antara agensi bagi melindungi kesihatan awam.

KKM menegaskan bahawa pencegahan, pemantauan, dan kesedaran awam adalah kunci utama bagi memastikan Malaysia kekal bebas daripada penularan penyakit virus Nipah.-

[SIRAPLIMAU](#)

Pindah Ternakan Tanpa Kebenaran, Pemandu Lori didenda RM16,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Dalam Talian	28 Jan



MUHAMMAD Aizal (kiri) dijatuhi hukuman denda RM16,000 oleh Mahkamah Majistret Gerik selepas mengaku bersalah memindahkan 299 ekor kambing dan 23 ekor biri-biri tanpa kebenaran Pengarah DVS pada tahun lalu.

GERIK – Seorang pemandu lori didenda RM16,000 oleh Mahkamah Majistret Gerik hari ini selepas mengaku bersalah memindahkan 299 ekor kambing dan 23 ekor biri-biri tanpa kebenaran Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Perak, tahun lalu.

Muhammad Aizal Afizi Ishak, 29, membuat pengakuan tersebut selepas dua pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret

Muhammad Firdaus Nor Azlan.

Mengikut kertas pertuduhan, Muhammad Aizal selaku Orang Kena Saman (OKS) didakwa telah memindahkan 139 ekor kambing dan 23 ekor biri-biri menggunakan lori tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada Pengarah DVS Perak atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan tersebut di

Kilometer 44, Jalan Gerik-Lenggong, Lenggong pada pukul 2.15 pagi, 26 Mac 2025.

OKS sama turut didakwa melakukan kesalahan sama dengan memindahkan 160 ekor kambing di Jalan Gerik-Lenggong berhadapan dengan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik pada pukul 12.05 tengah malam, 11 April 2025.

Pertuduhan terhadap lelaki itu dikemukakan di bawah Perenggan 3(a) Perintah Menteri Besar bagi Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut bagi negeri Perak 2008 yang dibaca bersama Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (pindaan) 2013 (Akta A1452).

Muhammad Firdaus kemudian menetapkan hukuman denda RM7,500 bagi pertuduhan pertama dan sekiranya gagal bayar, OKS diperintahkan menjalani hukuman penjara selama lima bulan.

Bagi pertuduhan kedua pula, Muhammad Aizal didenda RM8,500 atau enam bulan penjara jika gagal bayar.

Mahkamah turut memerintahkan wang hasil jualan haiwan ternakan sebanyak RM41,873.20 dan RM68,413.50 bago setiap

pertuduhan dilucuthak kepada kerajaan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Perak, Roziman Awang Tahrin, manakala OKS diwakili peguam bela, Muhammad Zaem Ab Aziz. – [KOSMO! ONLINE](#)

KKM Perkukuh Saringan Kesihatan di Pintu Masuk Negara Susulan Wabak Nipah			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Reporter	Semasa	Dalam Talian	28 Jan



Gambar: Astro Awani

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menegaskan bahawa tiada kes baharu penyakit Nipah dilaporkan di Malaysia setakat ini, susulan kejayaan membendung wabak penyakit tersebut sejak September 1999.

KKM merujuk kepada laporan media mengenai situasi wabak Nipah yang berlaku di West Bengal, India, dan menekankan bahawa pemantauan berterusan sedang dijalankan bagi memastikan keselamatan kesihatan awam.

Menurut KKM, penyakit Nipah adalah penyakit berjangkit zoonotik yang disebabkan oleh virus Nipah (NiV), dengan keluarg (flying foxes/fruit bats) sebagai perumah semulajadi. Jangkitan boleh berlaku melalui sentuhan dengan cecair badan haiwan atau manusia yang dijangkiti, pengambilan makanan tercemar, atau kontak langsung dengan individu yang dijangkiti. Gejala lazim termasuk demam, sakit kepala, muntah, batuk, sesak nafas, sawan, kekeliruan, dan

kebingungan, dengan tempoh pengeraman antara lima hingga 14 hari.

“Komplikasi serius seperti radang otak (encephalitis) dan masalah pernafasan boleh berlaku, dengan kadar kematian antara 40% hingga 75%,” katanya.

KKM menekankan bahawa penyakit ini wajib dilaporkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

“Pemantauan turut dipertingkatkan melalui kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan PERHILITAN menerusi pendekatan One Health, memastikan virus Nipah tidak dikesan dalam kalangan haiwan domestik atau liar setakat ini.

“Orang awam, khususnya pengembara ke kawasan berisiko, dinasihatkan menjaga kebersihan diri, mengelakkan sentuhan dengan haiwan yang sakit, dan tidak mengambil produk yang disyaki tercemar,” jelasnya.

Dalam kenyataan rasmi di media sosial, Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menegaskan bahawa KKM berada dalam ‘hubungan langsung’ dengan WHO dan

pihak berkuasa berkaitan bagi mengesahkan data terkini.

“‘Penjaga pintu’ kami di semua lapangan terbang antarabangsa, pelabuhan laut, dan pintu sempadan darat berada dalam keadaan berjaga-jaga tinggi.

“Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) sedia bertindak, dan protokol bagi individu simptomatik dilaksanakan dengan segera. Kami bertindak berdasarkan sains dan bukti, bukan khabar angin.

“Saya ingin menenangkan sebarang kebimbangan orang ramai: Sistem keselamatan kesihatan kita kukuh, telah diuji, dan bersedia. Kami meningkatkan tindak balas secara bersesuaian untuk memastikan keselamatan anda,” katanya.

KKM menegaskan bahawa walaupun Malaysia tidak melaporkan sebarang kes sejak 1999, kesiapsiagaan dan pengawasan tetap diperkuatkan. Langkah-langkah termasuk saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa, pengukuhan kapasiti makmal, kesiapsiagaan fasiliti kesihatan, pelaksanaan langkah pencegahan dan kawalan infeksi (IPC), serta kerjasama rentas sektor bagi

memastikan pencegahan kemunculan semula penyakit Nipah di negara ini.

Thailand turut memperketat saringan penumpang udara susulan wabak Nipah di West Bengal, India, yang setakat ini mencatat lima kes, menggunakan pendekatan serupa semasa Covid-19.-

[THEREPORTER](#)

Virus Nipah: Tiada Kes dilaporkan di Malaysia Sejak 1999

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Nabalu News	Post	Dalam Talian	28 Jan



28 Januari 2026

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan tiada kes baharu wabak virus Nipah dilaporkan di negara ini sehingga kini susulan kejayaan membendung wabak penyakit itu sejak September 1999.

Bagaimanapun, KKM memaklumkan, pihaknya kekal berwaspada terhadap risiko penularan rentas sempadan susulan kejadian jangkitan secara sporadik di beberapa negara lain.

Sehubungan itu, katanya,

kementerian terus memperkukuhkan kesiapsiagaan melalui saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), khususnya melibatkan pengembara dari negara berisiko.

“Pada masa sama, KKM turut mempertingkatkan pengawasan berterusan, pengukuhan kapasiti makmal negara, kesiapsiagaan fasiliti kesihatan, pelaksanaan langkah pencegahan dan kawalan termasuk amalan pencegahan dan kawalan infeksi (IPC).

"Selain itu, kerjasama rentas sektor dan antara agensi juga diperkukuh bagi melindungi kesihatan awam dan mencegah kemunculan semula Penyakit Nipah di negara ini," maklum KKM dalam satu kenyataan hari ini.

Tambah kenyataan itu, pemantauan berterusan penyakit itu turut dipertingkatkan melalui kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung (Perhilitan) melalui pendekatan One Health.

Setakat ini, katanya, tiada virus Nipah dikesan dalam kalangan haiwan domestik atau liar.

KKM menjelaskan, penyakit Nipah wajib dilaporkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Orang awam khususnya pengembara ke kawasan berisiko tinggi dinasihatkan untuk menjaga kebersihan diri, mengelakkan sentuhan dengan haiwan yang sakit atau pengambilan produk yang disyaki tercemar.

"Pengembara dari kawasan yang berisiko dinasihatkan untuk memantau status

kesihatan sendiri dan segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya tidak sihat," katanya.

Penyakit Nipah ialah penyakit berjangkit zoonotik yang disebabkan oleh virus Nipah (NiV) dengan keluarg (flying foxes/ fruit bats) sebagai perumah semula jadi (natural reservoir).

Menurut KKM, jangkitan kepada manusia boleh berlaku melalui sentuhan langsung dengan cecair badan haiwan yang dijangkiti seperti air liur, darah, dan rembesan, pengambilan yang telah tercemar dan kontak dengan cecair badan individu dijangkiti.

"Gejala seperti demam, sakit kepala, muntah, batu bernafas, sawan, kekeliruan, dan kebingungan lazimnya muncul selepas tempoh pengesanan antara lima hingga ke 14 hari.

"Komplikasi penyakit itu termasuk radang otak (encephalitis) dan masalah pernafasan dengan kadar kematian antara 40 hingga 75 peratus," katanya.-

[NABALUNews](#)

Malaysia Siap Siaga Hadapi Risiko Jangkitan Penyakit Nipah - KKM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Siakap Keli	Berita	Dalam Talian	28 Jan



Kementerian Kesihatan Malaysia

Kredit: Bernama

Malaysia Siap Siaga Hadapi Risiko Jangkitan Penyakit Nipah - KKM

Putrajaya -- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merujuk laporan media berkenaan situasi wabak Penyakit Nipah di West Bengal, India.

Menerusi kenyataan yang dimuat naik di laman Facebook KKM, jabatan berkenaan memaklumkan tiada kes baharu Penyakit Nipah dilaporkan di Malaysia sehingga kini. Perkara ini berikutan kejayaan penyakit

tersebut dibendung sejak September 1999.

KKM berkata, Penyakit Nipah merupakan penyakit berjangkit zoonotik yang disebabkan virus Nipah (NIV). Keluang (flying foxes atau fruit bats) merupakan perumah semula jadi bagi virus ini.

"Jangkitan kepada manusia boleh berlaku melalui sentuhan langsung dengan cecair badan haiwan yang dijangkiti seperti air liur, darah dan rembesan, pengambilan makanan yang

telah tercemar, dan kontak dengan cecair badan individu yang dijangkiti," jelas KKM.

"Pemantauan berterusan penyakit ini juga dipertingkatkan melalui



Kredit: Facebook Dr Dzulkefly Ahmad

Penyakit ini juga dapat dikesan melalui gejala seperti demam, sakit kepala, muntah, batuk, susah bernafas dan sawan. Begitu juga gejala kekeliruan dan kebingungan yang pada kebiasaan berlaku selepas tempoh pengesanan lima hingga 14 hari.

Tambah KKM, komplikasi penyakit dari virus ini termasuk radang otak (encephalitis) dan masalah pernafasan. Kadar kematian pula antara 40 peratus hingga 75 peratus.

Penyakit ini wajib dilaporkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) melalui pendekatan One Health.

"Setakat ini, tiada virus Nipah dikesan dalam kalangan haiwan dmoestik atau liar," jelas jabatan tersebut.

Berikutan itu, orang awam dinasihat agar mengelak dari menyentuh haiwan yang sakit atau mengambil produk yang disyaki tercemar, terutamanya pengembara di kawasan berisiko tinggi. Hal ini bagi mencegah jangkitan virus Nipah.

"Pengembara dari kawasan yang berisiko dinasihatkan untuk memantau status kesihatan sendiri dan segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya tidak sihat," maklum KKM.

khususnya melibatkan pengembara dari negara berisiko," jelas jabatan itu.

Dalam pada itu, jabatan berkenaan turut mempertingkatkan pengawasan berterusan serta



Kredit: Facebook Dr Dzulkefly Ahmad

KKM kekal waspada risiko Penyakit Nipah di Malaysia


Tegas KKM, jabatan berkenaan kekal berwaspada terhadap risiko penularan rentas sempadan susulan kejadian jangkitan secara sporadik di beberapa negara lain biarpun tiada sebarang kes Penyakit Nipah dilaporkan sejak tahun 1999.

"Sehubungan dengan itu, KKM terus memperkukuhkan kesiapsiagaan melalui saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA),

menguatkan kapasiti makmal negara. Begitu juga kesiapsiagaan fasiliti kesihatan, pelaksanaan langkah pencegahan dan kawalan termasuk amalan pencegahan dan kawalan infeksi (IPC).

KKM turut mengadakan kerjasama rentas sektor dan antara agensi bagi melindungi kesihatan awam dan mencegah kemunculan semula Penyakit Nipah di negara ini.-[SIAKAPKELI](#)

Tiada Kes Baharu Penyakit Nipah dilaporkan di Malaysia Setakat Ini			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	28 Jan



GAMBAR hiasan.

Kuala Lumpur: Tiada kes baharu penyakit Nipah dilaporkan di Malaysia setakat ini, susulan wabak penyakit itu yang dikesan berlaku di West Bengal, India.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi satu kenyataan memaklumkan, pihaknya kekal berwaspada terhadap risiko penularan rentas sempadan susulan kejadian jangkitan secara sporadik di beberapa negara lain, walaupun negara ini tidak melaporkan sebarang kes

penyakit berkenaan sejak tahun 1999.

"Pemantauan berterusan penyakit ini juga dipertingkatkan melalui kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) melalui pendekatan 'One Health'.

"Setakat ini, tiada virus Nipah dikesan dalam kalangan haiwan domestik atau liar," kata kenyataan itu hari ini.

Penyakit Nipah adalah penyakit berjangkit zoonotik yang disebabkan oleh virus Nipah (NiV) dengan keluarg sebagai perumah semulajadi.

Jangkitan kepada manusia boleh berlaku melalui sentuhan langsung dengan cecair badan haiwan yang dijangkiti seperti air liur, darah dan rembesan, pengambilan makanan yang tercemar serta kontak dengan cecair badan individu yang dijangkiti.

Gejala seperti demam, sakit kepala, muntah, batuk, susah bernafas, sawan, kekeliruan, dan kebingungan lazimnya muncul selepas tempoh pengesanan antara lima hingga 14 hari.

Komplikasi penyakit ini termasuk radang otak dan masalah pernafasan dengan kadar kematian antara 40 hingga 75 peratus.

Penyakit ini wajib dilaporkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Justeru, KKM menasihati orang awam terutama pengembara ke kawasan berisiko tinggi menjaga kebersihan diri, mengelak sentuhan dengan haiwan yang sakit atau pengambilan produk disyaki tercemar bagi mencegah jangkitan virus Nipah.

"Pengembara dari kawasan berisiko juga dinasihatkan memantau status kesihatan sendiri dan segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya tidak sihat," katanya.

KKM akan terus memperkukuhkan kesiapsiagaan melalui saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), khususnya membabitkan pengembara dari negara berisiko.

Pada masa sama, KKM turut mempertingkatkan pengawasan berterusan, pengukuhan kapasiti makmal negara, kesiapsiagaan fasiliti kesihatan, pelaksanaan langkah pencegahan, kawalan termasuk amalan pencegahan dan kawalan infeksi (IPC), serta kerjasama rentas sektor antara agensi bagi melindungi kesihatan awam selain mencegah kemunculan semula penyakit itu di negara ini.-[MYMETRO](#)

KKM Tingkat Kewaspadaan Terhadap Risiko Jangkitan Virus Nipah			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Lobak Merah	Semasa	Dalam Talian	28 Jan



Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini mengesahkan bahawa tiada kes baharu penyakit disebabkan virus Nipah dilaporkan di Malaysia setakat ini. Walau bagaimanapun, pihak kementerian kekal berwaspada susulan laporan media mengenai situasi wabak tersebut yang melanda Bengal Barat, India.

Dalam pada itu, Malaysia mempunyai rekod prestasi yang baik dalam mengendalikan penyakit ini sejak berjaya membendung

wabak tersebut pada September 1999.

Melalui pendekatan One Health, KKM bekerjasama rapat dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan PERHILITAN untuk pemantauan berterusan.

Haiwan Domestik & Liar: Setakat ini, tiada virus Nipah dikesan dalam kalangan populasi haiwan di Malaysia.

Kawalan Sempadan: Saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) diperkukuh, terutamanya

bagi pengembara dari negara berisiko.

Mengenali Risiko dan Gejala
Untuk pengetahuan, penyakit Nipah merupakan jangkitan zoonotik yang berpunca daripada virus Nipah (NiV), di mana keluarg (flying foxes) adalah perumah semula jadinya. Jangkitan kepada manusia boleh berlaku melalui kontak langsung dengan cecair badan haiwan atau individu yang dijangkiti, serta pengambilan makanan yang tercemar.

Antara gejala utama yang perlu diperhatikan termasuk:

Demam dan sakit kepala.
Muntah, batuk, dan kesukaran bernafas.
Kekeliruan, kebingungan, dan sawan.

Nota Penting: Tempoh pengeraman virus adalah antara 5 hingga 14 hari. Penyakit ini sangat berbahaya dengan kadar kematian yang tinggi, iaitu antara 40% hingga 75%, serta boleh menyebabkan komplikasi serius seperti radang otak (encephalitis).

Langkah Pencegahan bagi Orang Awam

KKM menasihati orang awam, terutamanya mereka yang mengembara ke kawasan berisiko tinggi, untuk mengambil langkah-langkah berikut:

1. Jaga Kebersihan Diri:
Sentiasa mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi.

2. Elakkan Sentuhan:
Jangan menyentuh haiwan yang sakit atau mengambil produk makanan yang disyaki tercemar.

3. Pantau Kesihatan:
Pengembara dari kawasan berisiko perlu memantau status kesihatan sendiri dan segera mendapatkan rawatan jika tidak sihat.

Penyakit Nipah adalah penyakit yang wajib dilaporkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Pihak KKM akan terus mempertingkatkan kapasiti makmal dan kesiapsiagaan fasiliti kesihatan bagi memastikan kesihatan awam sentiasa terpelihara.-[LOBAKMERAH](#)

**Tiada Wabak Virus Nipah dilaporkan di Negara Ini Sejak 1999 –
KKM**

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Utama	Dalam Talian	28 Jan



Virus Nipah

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan tiada kes baharu wabak virus Nipah dilaporkan di negara ini sehingga kini susulan kejayaan membendung wabak penyakit itu sejak September 1999.

Bagaimanapun, KKM dalam satu kenyataan hari ini berkata, pihaknya kekal berwaspada terhadap risiko penularan rentas sempadan susulan kejadian jangkitan secara sporadik di beberapa negara lain.

Sehubungan itu, tambahna, KKM terus memperkukuhkan kesiapsiagaan melalui saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), khususnya melibatkan pengembara dari negara berisiko.

“Pada masa yang sama, KKM turut mempertingkatkan pengawasan berterusan, pengukuhan kapasiti makmal kesihatan, pelaksanaan langkah pencegahan dan kawalan termasuk amalan pencegahan dan kawalan

infeksi (IPC), serta kerjasama rentas sektor dan antara agensi bagi melindungi kesihatan awam dan mencegah kemunculan semula Penyakit Nipah di negara ini," katanya.

Tambah kenyataan itu, pemantauan berterusan penyakit itu juga dipertingkatkan melalui kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung (Perhilitan) melalui pendekatan One Health.

Setakat ini, katanya, tiada virus Nipah dikesan dalam kalangan haiwan domestik atau liar.

Sementara itu, KKM menjelaskan, jangkitan kepada manusia boleh berlaku melalui sentuhan langsung dengan cecair badan haiwan yang dijangkiti seperti air liur, darah, dan rembesan, pengambilan yang telah tercemar dan kontak dengan cecair badan individu dijangkiti.

Katanya, gejala seperti demam, sakit kepala, muntah, batu bernafas, sawan, kekeliruan, dan kebingungan lazimnya muncul selepas tempoh pengesanan antara lima

hingga ke 14 hari.-
[MALAYSIAGAZETTE](#)

No New Cases of Nipah Virus Reported in Malaysia So Far - MOH			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Vibes	Malaysia	Dalam Talian	28 Jan



Nipah disease is a zoonotic infectious disease caused by the Nipah virus (NiV) with bats as its natural host. – Picture from <https://vitalsnews.com/news>, January 28, 2026

Infection to humans can occur through direct contact with body fluids of infected animals, such as saliva, blood and secretions, ingestion of contaminated food and contact with body fluids of infected individuals.

NO new cases of the Nipah virus have been reported in Malaysia so far, following an outbreak detected in West Bengal, India.

The Ministry of Health Malaysia (MOH) in a

statement announced that it remains vigilant against the risk of cross-border transmission following sporadic infections in several other countries, although the country has not reported any cases of the disease since 1999.

“Continuous monitoring of the disease has also been enhanced through collaboration with the Malaysian Veterinary Services Department (DVS) and the Department of Wildlife and

National Parks of Peninsular Malaysia (PERHILITAN) through the 'One Health' approach.

"To date, no Nipah virus has been detected in domestic or wild animals," the statement said today.

Nipah disease is a zoonotic infectious disease caused by the Nipah virus (NiV) with bats as its natural host.

Infection to humans can occur through direct contact with body fluids of infected animals, such as saliva, blood and secretions, ingestion of contaminated food and contact with body fluids of infected individuals.

Symptoms such as fever, headache, vomiting, cough, difficulty breathing, convulsions, confusion and disorientation usually appear after an incubation period of five to 14 days.

Complications of this disease include encephalitis and respiratory problems, with a mortality rate of between 40 and 75 per cent.

It is mandatory to report the disease under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

The Ministry of Health advises the public, especially travellers to high-risk areas,

to maintain personal hygiene, avoid contact with sick animals or consumption of products suspected of being contaminated to prevent Nipah virus infection.

"Travellers from risk areas are also advised to monitor their own health status and immediately seek treatment at nearby health facilities if they are unwell," the statement read.

MOH will continue to strengthen preparedness through health screening at International Points of Entry (PMA), especially involving travellers from countries at risk.

At the same time, MOH is also enhancing continuous surveillance, strengthening the capacity of the country's laboratory, preparedness of health facilities, implementation of preventive measures, control, including infection prevention and control (IPC) practices, as well as cross-sectoral cooperation between agencies to protect public health and prevent the re-emergence of the disease in the country. –[THEVIBES](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR